

Nama:..... Kelas:.....

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Oktober
2021
2 ½ jam

1249/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan kelas pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya ruangan dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini dan diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah


SULIT

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Rajah berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu Melaka.



(a) Apakah X dan Y?

.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri – ciri di 1 (a)

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Generasi hari ini perlu mempertahankan warisan negara bangsa.

Beri pandangan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 2 Gambar 1 menunjukkan suasana semasa pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 di Tanah Melayu.



Gambar 1

- (a) Nyatakan **dua** syarat menjadi pengundi dalam pilihan raya tersebut.

.....
.....

[2 *markah*]

- (b) Jelaskan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 *markah*]

- (c) Petikan berikut berkaitan sikap segelintir rakyat yang kurang peka tentang kepentingan sistem demokrasi di Malaysia.

"Seramai 4.2 juta penduduk di negara ini yang berusia 21 tahun ke atas dan layak mengundi masih belum mendaftar sebagai pemilih"

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Sumber : *Akhbar Sinar Harian 9 September 2020*

Cadangkan langkah bagi menangani masalah tersebut.

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*]

3 Peta 1 menunjukkan negeri yang menyertai gagasan Persekutan Malaysia pada tahun 1963.



Peta 1

(a) Namakan tokoh yang mengemukakan idea gagasan tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor pembentukan Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Kejayaan pembentukan Malaysia adalah hasil kesepakatan antara pemimpin negara.
Terangkan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Maklumat berikut merujuk Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh parlimen

Sumber: *Perkara 152 Perlembagaan Malaysia*

- (a) Nyatakan usaha kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Mengapakah generasi kini kurang menggunakan bahasa Melayu dengan betul?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Bagaimanakah pantun berikut dapat menggambarkan pengamalan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

Yang merah itu saga
Yang kurik itu kendi
Yang indah itu bahasa
Yang molek itu budi

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

- 5 Peristiwa berikut telah membawa kepada pengisytiharan darurat pada 17 Jun 1948 di Tanah Melayu.

Pembunuhan tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak.

- (a) Jelaskan keganasan komunis yang mengancam keselamatan negara pada ketika itu. [4 markah]
- (b) Terangkan usaha yang dilakukan oleh kerajaan British bagi membanteras ancaman komunis dalam aspek berikut:
- (i) Penguatkuasaan undang-undang darurat [4 markah]
- (ii) Perang Saraf [4 markah]
- (c) Gambar 2 berkaitan poster sambutan Hari Polis yang diadakan setiap tahun di negara kita.



Gambar 2

Sebagai warganegara yang patriotik, apakah peranan anda untuk menghargai jasa pasukan keselamatan negara? [8 markah]

- 6 Gambar 3 menunjukkan peristiwa perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



Gambar 3

- (a) Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan takrifan kemerdekaan. [4 markah]
- (b) Terangkan persediaan untuk menyambut pemsyukuran kemerdekaan di Tanah Melayu. [8 markah]
- (c) Bagaimana semangat jati diri rakyat Malaysia dapat membina negara bangsa yang utuh. [8 markah]
- 7 Institusi Yang di-Pertuan Agong merupakan sebahagian daripada sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia.
- (a) Jelaskan mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong. [4 markah]
- (b) Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. [8 markah]
- (c) Berdasarkan maklumat berikut, mengapakah institusi ini perlu dipertahankan?

Dalam politik Malaysia yang semakin kompleks, peranan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja semakin relevan dan signifikan

Sumber : Berita Harian 15 Jun 2020

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 8 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara yang diperkenalkan pada tahun 1970.
- (a) (i) Nyatakan latar belakang pembentukan DEB. [2 markah]
(ii) Apakah strategi DEB? [2 markah]
- (b) Huraikan langkah pelaksanaan DEB bagi memajukan ekonomi negara. [8 markah]
- (c) Sistem pendidikan yang berteraskan kemahiran dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat di negara kita. [8 markah]
Jelaskan.
- 9 Kebijaksanaan Malaysia dalam menangani pelbagai isu global telah meningkatkan imej negara di persada dunia.
- (a) Jelaskan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia? [6 markah]
- (b) Huraikan usaha yang dilakukan oleh rakyat Malaysia dalam menjayakan misi kemanusiaan berikut :
- Palestin
 - Tsunami di Aceh dan Sri Lanka
- [6 markah]
- (c) Pandemik Covid-19 adalah wabak penyakit berjangkit yang melanda dunia pada masa kini. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat membantu kerajaan dalam memutuskan rantaian wabak tersebut? [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT